

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | Agro Mall Puchong siap dalam tempoh dua tahun |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                                  |             |                     |
| Date       | 17 Jun 2019                                   | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional                                      | Circulation | 140,000             |
| Page No    | 12  | Readership  | 420,000             |
| Language   | Malay   | ArticleSize | 209 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A   | AdValue     | RM 4,431            |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 13,292           |



## Agro Mall Puchong siap dalam tempoh dua tahun

**KOTA BHARU** - Agro Mall Puchong dijangka siap dalam tempoh dua tahun akan datang yang bakal mempamerkan pelbagai produk dari seluruh negara.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail berkata, majlis pecah tanah tapak Agro Mall Puchong itu telah dilaksanakan sebelum bulan Ramadan lalu.

Beliau berkata, lokasi itu terletak berdekatan Lebuhraya Damansara-Puchong yang dibangunkan dengan kos RM8 juta.

"Semua produk dan barangan koleksi dari seluruh negara akan dipamerkan di situ. Ia akan implementasi rancangan termasuk untuk pandu lalu bagi memudahkan pelanggan. Ini adalah sebahagian daripada perancangan transformasi FAMA Alaf Baru," katanya selepas menghadiri majlis sambutan Aidilfitri peringkat FAMA Kelantan semalam.

Hadir sama, Pengarah FAMA Kelantan, Mohd Ariffin Awang.

Dalam masa sama, be-



Ishak (dua dari kanan) bersama Mohd Ariffin (kiri) berbual bersama tetamu pada majlis Aidilfitri peringkat FAMA Kelantan semalam.

liau berkata, FAMA juga akan memperkasa kaedah pemasaran digital mereka termasuk Agro Bazaar dan Pasar Tani Ekspres.

"Prosedur Operasi Standard (SOP) Tani Ekspres akan disiapkan dalam masa terdekat dengan penglibatan anak muda.

"FAMA mahu bawa hasil melalui kaedah baharu iaitu dalam talian dengan rantaian bekalan dipendekkan bagi membantu meningkatkan pendapatan petani dengan harga muna-sabah," jelasnya.

Beliau berkata, program Tani Ekspres membolehkan petani membawa barangan itu dari ladang menggunakan kenderaan sendiri ke pasar tani atau pusat pengumpulan dan jika ada tempahan boleh ke rumah pelanggan.

"Bagi melengkapkan kaedah itu kita sedang perhalusi untuk galakan anak muda terlibat sama agar ia menjana pendapatan sampingan dan tarik minat mereka untuk usahakan tanaman pada masa akan datang," katanya.